

## Bab 22

# KANAK-KANAK DAN JENAYAH: PENDEKATAN AKTA KANAK-KANAK 2001

*Mumtaj Hassan*

Fakulti Pengurusan Awam dan Undang-Undang, UUM

*Kanak-kanak juga seperti insan dewasa, mereka tidak terkecuali daripada melakukan kesalahan. Tetapi ada kalanya kesalahan yang mereka lakukan menjadi satu jenayah yang perlu dihukum di sisi undang-undang. Pada ketika inilah timbul persoalan pada usia berapakah kanak-kanak boleh dikenakan tanggungan jenayah. Bagaimana pula dengan perlindungan yang disediakan oleh undang-undang bagi kanak-kanak yang melakukan jenayah. Justeru itu bab ini menyentuh tentang siapakah kanak-kanak menurut pandangan undang-undang negara kita. Ia turut mengupas mengenai tanggungan kanak-kanak berhubung dengan perlakuan jenayah. Manakala sebahagian besar daripada bab ini memfokus pada peruntukan-peruntukan dalam Akta Kanak-kanak 2001 yang digubal untuk pemeliharaan, pelindungan dan pemuliharan kanak-kanak.*

### Pengenalan

Jenayah yang dilakukan oleh kanak-kanak merangkumi membunuh, cubaan membunuh, saman bersenjata, rogol serta mencederakan manusia, jenayah harta benda seperti pecah rumah, mencuri, mencuri kenderaan, memeras ugut, memiliki barang curi, menipu dan sebagainya. Tidak sekadar itu sahaja, malah kanak-kanak juga berani melakukan jenayah ke atas kanak-kanak lain<sup>1</sup> seperti membunuh<sup>2</sup> atau merogol<sup>3</sup> kanak-kanak yang lebih muda daripada mereka.

Sebenarnya banyak faktor yang mempengaruhi seseorang kanak-kanak itu untuk melakukan kesalahan yang bersifat jenayah. Antaranya termasuklah faktor kurangnya pendidikan agama, longgarnya ikatan kekeluargaan, pengaruh negatif rakan sebaya, kesan persekitaran yang tidak sihat, naluri ingin mencuba, pengaruh media massa, dan sebagainya. Namun begitu pelbagai kaedah digunakan untuk menyedarkan kanak-kanak supaya terhindar daripada melakukan perlakuan atau kesalahan jenayah. Tetapi apabila suatu kesalahan jenayah telah dilakukan, maka kanak-kanak juga tidak terlepas daripada menerima akibatnya. Di negara kita, pendekatan undang-undang yang terawal adalah melalui Akta Mahkamah Juvana 1947, suatu Akta yang wujud sebelum Malaysia

mencapai kemerdekaan. Usaha untuk menangani isu jenayah di kalangan kanak-kanak tidak terhenti di situ saja, malah satu akta berkaitan Sistem Pengadilan Jenayah Kanak-kanak telah digubal, iaitu Akta Kanak-kanak 2001.

## **Pengubalan Akta Kanak-Kanak 2001**

Akta Kanak-kanak 2001 merupakan kemuncak kepada perbincangan di peringkat kerajaan dan Jawatankuasa Kerja Penyemakan dan Penggubalan Perundungan Berkaitan Gejala Sosial. Setelah hampir empat tahun perbincangan, Akta Kanak-kanak memperolehi persetujuan Diraja pada 15 Februari 2001. Akta Kanak-kanak 2001 merupakan gabungan tiga Akta yang sedia wujud, iaitu Akta Mahkamah Juvana 1947, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973. Hanya Akta Mahkamah Juvana dan Akta Perlindungan Kanak-kanak sahaja dapat digabungkan sepenuhnya sementara Akta Perlindungan Wanita dan Gadis terpaksa ditinggalkan bahagian-bahagian tertentu yang kemudiannya dimasukkan ke dalam Kanun Kesiksaan.

Objektif Akta Kanak-kanak 2001 digubal adalah untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubung dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak. Mukadimah Akta Kanak-kanak 2001 mengiktirafkan dan mengakui kenyataan dasar bahawa:

- (i) wawasan negara sebagai negara maju sepenuhnya ialah suatu negara di mana keadilan sosial dan pembangunan moral, etika dan rohani sama pentingnya dengan kemajuan ekonomi dalam mewujudkan suatu masyarakat Malaysia madani yang bersatu padu, progresif, damai, penyayang, adil dan berperikemanusiaan;
- (ii) seseorang kanak-kanak bukan sahaja merupakan bahagian penting masyarakat sedemikian tetapi juga merupakan kunci kehidupan, pembangunan dan kemakmuran masyarakat itu;
- (iii) seseorang kanak-kanak, oleh sebab ketidakmatangannya dari segi fizikal, mental dan emosinya, memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas, selepas kelahiran, untuk membolehkannya turut serta dalam dan menyumbangkan secara positif ke arah membentuk suatu masyarakat Malaysia madani yang unggul;
- (iv) tiap-tiap kanak-kanak berhak untuk mendapatkan perlindungan dan bantuan dalam segala hal keadaan tanpa mengira apa-apajenis perbezaan seperti ras, warna kulit, jantina, bahasa, agama, asal usul atau kecacatan fizikal, mental atau emosi atau apa-apa status lain;
- (v) keluarga merupakan kumpulan asas dalam masyarakat yang menyediakan suasana semula jadi bagi pembesaran, penyaraan dan kebajikan semua anggotanya, khususnya kanak-kanak supaya mereka boleh membesar dalam suasana aman, bahagia kasih sayang dan persefahaman untuk memperolehi keyakinan penuh maruah dan nilai seseorang manusia;

- (vi) peranan dan tanggungjawab keluarga dalam masyarakat supaya mereka diberi bantuan yang perlu untuk membolehkan mereka menunaikan tanggungjawab mereka sepenuhnya sebagai sumber pemeliharan, penyaraan, pemulihan dan perkembangan kanak-kanak dalam masyarakat.

## **Definisi Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang**

Menurut seksyen 2 Akta Kanak-kanak 2001, kanak-kanak adalah seseorang yang di bawah umur lapan belas tahun dan jika berhubung dengan prosiding jenayah, ia adalah seseorang yang telah mencapai umur tanggungjawab jenayah iaitu sepuluh tahun. Ini bermaksud seseorang yang berumur lapan belas tahun ke atas adalah orang dewasa. Akta Kanak-kanak 2001 sekaligus memansuhkan perbezaan had umur antara kanak-kanak dan orang muda yang wujud sebelum ini di bawah Akta Mahkamah Juvana 1947 dan Akta Umur Dewasa 1971. Dengan demikian wanita yang berumur lapan belas ke atas dan di bawah dua puluh satu tahun adalah dilindungi oleh Kanun Kesiksaan. Ini adalah kesan daripada pelarasan umur kanak-kanak di bawah Akta Kanak-kanak 2001 kerana sebelum ini Akta Perlindungan Wanita dan Gadis 1973 telah meliputi wanita sehingga umur dua puluh satu tahun.

Had umur yang dinyatakan oleh Akta Kanak-kanak 2001 ini adalah selari dengan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Hak Kanak-Kanak, yang mana Malaysia juga merupakan pihak dalam konvensyen tersebut.<sup>4</sup>

## **Liabiliti Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Menurut Undang-Undang**

Seorang kanak-kanak masih boleh dipertanggungjawabkan dengan perlakuan jenayahnya dan berhubung dengan prosiding jenayah jika dia sudah mencapai umur bagi tanggungjawab jenayah sebagaimana yang ditetapkan dalam seksyen 82 Kanun Keseksaan, walaupun dia seorang kanak-kanak.

Seksyen 82 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa tidak menjadi kesalahan apa-apa juar yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur kurang daripada sepuluh tahun. Peruntukan seksyen 82 Kanun Keseksaan adalah anggapan undang-undang berdasarkan prinsip undang-undang Inggeris yang dikenali sebagai *doli incapax* yang membawa maksud ketidakupayaan seseorang untuk melakukan jenayah. Menurut prinsip *doli incapax* kanak-kanak yang berusia di bawah sepuluh tahun adalah tidak mampu untuk memahami sifat dan akibat sesuatu perbuatan seperti seorang dewasa. Keadaan ini menyebabkan kanak-kanak yang berumur di bawah sepuluh tahun tidak boleh dikenakan sabitan atau tanggungan jenayah.

Secara ringkasnya, seksyen 82 memberi perlindungan mutlak kepada kanak-kanak yang berusia sepuluh tahun ke bawah tanpa mengira darjah kematiangan mereka. Golongan ini dianggap oleh undang-undang sebagai tidak mampu memahami sifat dan kesan sesuatu tindakan jenayah yang dilakukan.

Satu lagi seksyen yang berkaitan dengan darjah perlakuan jenayah kanak-kanak adalah seksyen 83 Kanun Keseksaan. Ia memperuntukkan bahawa tidaklah menjadi kesalahan apa-apa jua yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berumur lebih daripada sepuluh tahun tetapi kurang daripada dua belas tahun yang belum cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu. Berlainan dengan seksyen 82, seksyen 83 memberi pembelaan bersyarat kepada kanak-kanak yang berumur sepuluh tahun ke atas tetapi kurang daripada dua belas tahun yang telah melakukan perbuatan jenayah. Kanun Keseksaan tidak memberi penerangan atau huraihan penggunaan seksyen 83. Pemakaian seksyen 83 lebih merupakan persoalan fakta dan bergantung kepada hakim yang bijaksana untuk memutuskannya.

Faktor-faktor yang digunakan oleh mahkamah untuk menentukan sama ada seseorang kanak-kanak yang berusia sepuluh tahun ke atas tetapi kurang daripada 12 tahun itu sudah cukup akal untuk menimbangkan keadaan dan akibat perbuatannya pada masa itu, ialah:

- (i) Menilai tingkah laku kanak-kanak itu sebelum dan selepas jenayah dilakukan dengan mengambil kira sama ada kanak-kanak itu faham atau mengerti perbuatan yang dilakukannya.
- (ii) Melihat sama ada kanak-kanak itu menyedari atau mengetahui bahawa perbuatannya suatu kesalahan serius atau salah dari segi moral.<sup>5</sup>

Lagi satu seksyen yang tidak boleh ditinggalkan apabila membincangkan jenayah kanak-kanak adalah seksyen 113 Akta Keterangan 1950 yang membabitkan kanak-kanak lelaki. Seksyen ini melindungi kanak-kanak lelaki yang berusia di bawah 13 tahun daripada didakwa untuk kesalahan merogol. Peruntukan seksyen 113 berbunyi demikian:

*Maka hendaklah menjadi suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh disangkal bahawa seseorang budak lelaki yang berusia di bawah 13 tahun tidak berupaya melakukan rogol.*

Seksyen 113 meletakkan suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh disangkal bahawa seorang kanak-kanak lelaki berumur di bawah 13 tahun tidak mampu untuk melakukan perbuatan rogol.<sup>6</sup> Implikasinya ialah kanak-kanak lelaki tersebut tidak boleh didakwa atau disabitkan walaupun dia melakukan perbuatan rogol kerana undang-undang memberi perlindungan kepadanya. Persoalan yang timbul ialah adakah seksyen ini sesuai untuk masa ini memandangkan sudahpun berlaku kes kanak-kanak lelaki merogol dan membunuh kanak-kanak perempuan.

### **Mahkamah Bagi Kanak-Kanak**

Menurut seksyen 11(1) Akta Kanak-Kanak 2001, Mahkamah Bagi Kanak-Kanak (Court for Children) ditubuhkan untuk mendengar, memutuskan atau membereskan apa-apa pertuduhan terhadap seseorang kanak-kanak atau menjalankan apa-apa bidang kuasa

lain yang diberikan atau yang akan diberikan kepada Mahkamah bagi Kanak-kanak oleh atau di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.<sup>7</sup> Mahkamah ini mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan semua kesalahan kecuali kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum dengan hukuman mati.<sup>8</sup>

Manakala seksyen 11(4) menghuraikan fungsi-fungsi penasihat sebagai memaklumkan dan menasihati Mahkamah Bagi Kanak-kanak mengenai apa-apa pertimbangan yang menyentuh perintah yang dibuat berdasarkan suatu dapatan bersalah atau perlakuan lain yang berkaitan terhadap mana-mana kanak-kanak yang di bawa ke hadapan dan jika perlu menasihati ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu.

Seterusnya Akta Kanak-Kanak menyatakan bahawa Mahkamah Bagi Kanak-kanak hendaklah bersidang sama ada di dalam suatu bangunan atau bilik yang berlainan daripada bangunan atau bilik di mana persidangan Mahkamah-mahkamah selain Mahkamah Bagi Kanak-kanak di adakan atau pada hari-hari yang berlainan daripada hari-hari persidangan Mahkamah-mahkamah yang lain itu diadakan.<sup>9</sup> Seksyen 12 juga menjelaskan bahawa jika sesuatu Mahkamah Bagi Kanak-kanak bersidang di dalam bangunan yang sama dengan Mahkamah-mahkamah yang lain, Mahkamah Bagi Kanak-kanak itu hendaklah mempunyai pintu masuk dan pintu keluar yang berlainan daripada pintu masuk dan pintu keluar Mahkamah-mahkamah yang lain itu untuk membolehkan kanak-kanak dibawa ke dan dari Mahkamah Bagi Kanak-kanak itu tanpa gangguan. Seksyen 12 juga melarang orang lain hadir dalam mana-mana persidangan Mahkamah Bagi Kanak-kanak kecuali:

- (a) anggota dan pegawai Mahkamah itu;
- (b) kanak-kanak yang menjadi pihak dalam kes di hadapan Mahkamah itu, ibu dan bapa, penjaga, peguam bela dan saksi dan orang lain yang ada kena mengena secara langsung dengan kes itu; dan
- (c) mana-mana orang lain yang bertanggungjawab sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah.

Seksyen 12 telah dengan jelas mengecualikan pemberita atau jurulapor media dari menghadiri mana-mana persidangan Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Peruntukan di atas adalah selaras dengan seksyen 15 yang menyekat penyiaran media mengenai:

- (a) apa-apa langkah yang diambil terhadap seseorang kanak-kanak yang terlibat atau berupa sebagai terlibat dalam apa-apa perbuatan atau peninggalan jenayah, sama ada langkah-langkah itu pada peringkat sebelum perbicaraan, perbicaraan atau selepas perbicaraan;
- (b) mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya jagaan diambil di bawah Bahagian V<sup>10</sup>;
- (c) mana-mana kanak-kanak yang berkenaan dengannya mana-mana kesalahan yang dinyatakan dalam Jadual Pertama telah atau disyaki telah dilakukan; atau
- (d) mana-mana prosiding di bawah Bahagian VI.<sup>11</sup>

Laporan atau penyiaran media tidak boleh mendedahkan nama, alamat atau institusi pendidikan, atau memasukkan apa-apa butir yang direncanakan untuk membolehkan dikenal pasti mana-mana kanak-kanak yang terlibat sedemikian sama ada sebagai orang yang terhadapnya atau yang berkenaan dengannya tindakan sedang diambil atau sebagai seorang saksi dalam tindakan itu. Manakala seksyen 15(2) turut melarang penyiaran mana-mana gambar berhubung dengan mana-mana kanak-kanak yang terlibat dalam mana-mana perkara yang disebutkan dalam perkara-perkara di atas atau mana-mana orang, tempat atau benda lain yang mungkin membolehkan dikenal pasti mana-mana kanak-kanak yang terlibat sedemikian dalam apa-apa akhbar atau majalah atau disampaikan dalam apa-apa akhbar perantara elektronik.<sup>12</sup>

Ternyata seksyen 15 Akta Kanak-Kanak adalah lebih ketat daripada peruntukan di bawah Akta Mahkamah Juvana. Akta Kanak-Kanak memberi perlindungan kepada kanak-kanak sebelum, semasa dan selepas perbicaraan. Keadaan ini berbeza dengan Akta Mahkamah Juvana yang hanya memberi perlindungan dalam prosiding di Mahkamah Juvana. Secara keseluruhannya seksyen 15 Akta Kanak-Kanak memberi perlindungan bukan sahaja kepada pesalah malah juga mangsa atau saksi kepada apa-apa perbuatan atau peringgalan jenayah. Larangan penyiaran gambar sama ada gambar pesalah atau mangsa dapat mengurangkan trauma atau tekanan yang sedang mereka alami. Manakala bagi pesalah pula, gambar-gambar yang dipernah disiarkan boleh menghantui mengenai kejadian atau kesalahannya apabila dewasa dan boleh membantu proses pemulihannya.

Seperkara lagi adalah berhubung dengan hukuman bagi mana-mana orang yang melanggar peruntukan di atas adalah lebih jauh berat daripada yang termaktub dalam Akta Mahkamah Juvana iaitu apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.<sup>13</sup>

## **Prosedur Sebelum Perbicaraan**

Akta Kanak-kanak 2001 melalui seksyen 83 memperuntukkan bahawa kanak-kanak yang dikatakan melakukan suatu kesalahan tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicarakan kecuali mengikut Akta Kanak-kanak tetapi keadaan ini adalah tertakluk kepada subseksyen (3) dan (4) seksyen yang sama. Abdul Aziz Mohamad HMR dalam kes Pendakwa Raya v N (seorang kanak-kanak) [2004] 2 CLJ 176 memutuskan bahawa Bahagian X Akta Kanak-Kanak (di mana terdapat empat bab dan mengandungi seksyen 83 hingga 104) adalah berkaitan khusus dengan layanan terhadap seorang kanak-kanak yang sudah bersedia untuk didakwa dan dibicarakan, iaitu, selepas penyiasatan sudah selesai. Bahagian X itu sendiri bertajuk 'Prosedur Jenayah Untuk Kanak-Kanak di Mahkamah' sementara bab-bab pertama hingga keempat diberi tajuk 'Pertuduhan, Jaminan, dll', 'Perbicaraan', 'Kuasa Mahkamah ke Atas Kanak-Kanak Pada Penutup Perbicaraan' dan 'Percubaan' masing-masingnya. Sebaliknya, Bahagian V Kanun Acara Jenayah, yang mengandungi seksyen 117, bertajuk 'Maklumat Kepada Polis dan Kuasa Polis Untuk Menyiasat'.<sup>14</sup>

Dalam kes yang sama juga diputuskan bahawa intipati seksyen 84 Akta Kanak-Kanak adalah bahawa seseorang kanak-kanak yang ditangkap kerana melakukan kesalahan harus dibawa ke hadapan Mahkamah untuk Kanak-Kanak dalam tempoh 24 jam di mana kanak-kanak itu boleh ditahan di bawah seksyen 84(2) Akta Kanak-Kanak. Dengan demikian, penahanan seorang kanak-kanak di bawah seksyen 84(2) Akta Kanak-Kanak hanyalah untuk tujuan, dan sementara menunggu pembawaan kanak-kanak tersebut ke Mahkamah untuk Kanak-Kanak dan bukan untuk tujuan penyiasatan.<sup>15</sup> Seorang kanak-kanak yang ditangkap dan dibawa secara terus ke Mahkamah untuk Kanak-Kanak tidak boleh ditahan di bawah seksyen 84(2) Akta Kanak-Kanak. Begitu juga, penahanan seorang kanak-kanak di bawah seksyen 86(1) Akta Kanak-Kanak adalah semata-mata untuk tujuan penungguan perbicaraan dan bukannya untuk tujuan penyiasatan.

Oleh kerana seksyen 84 dan 86 Akta Kanak-Kanak tidak membuat sebarang peruntukan mengenai penahanan seorang kanak-kanak bagi tujuan penyiasatan, seksyen 117 Kanun Acara Jenayah harus dan terus terpakai. Seksyen 83(1) Akta Kanak-Kanak tidak boleh diambil sebagai telah menyingkir seksyen 117 Kanun Acara Jenayah berhubung penahanan seorang kanak-kanak selepas penangkapannya untuk tujuan penyiasatan. Tegahan "tidak boleh ditangkap, ditahan atau dibicarakan kecuali menurut Akta ini" seperti yang tertera dalam seksyen 83(1) Akta Kanak-Kanak tidak merangkumi 'penahanan sementara menunggu penyiasatan'.

Walau bagaimanapun menurut seksyen 85, perkiraan yang sewajar hendaklah dibuat untuk menghalang seseorang kanak-kanak semasa di tahan di balai polis; dibawa ke atau dari mana-mana Mahkamah; atau menunggu sebelum atau selepas hadir di mana-mana Mahkamah, daripada bergaul dengan seseorang dewasa yang dipertuduh atas sesuatu kesalahan; untuk memastikan bahawa seseorang kanak-kanak, jika seseorang kanak-kanak jika perempuan, semasa ditahan atau dibawa sedemikian atau menunggu berada di bawah jagaan seorang wanita dan untuk menghalang gambar seseorang kanak-kanak itu daripada dirakamkan dalam apa-apa cara atas pita atau filem atau dengan apa-apa perantara elektronik.

### **Prosedur di Mahkamah Bagi Kanak-Kanak**

Akta Kanak-Kanak telah dengan jelas menyatakan prosedur pembicaraan di Mahkamah bagi Kanak-kanak dalam 18 subseksyen dalam seksyen 90. Prosedur pembicaraan ini adalah lebih jelas berbanding dengan prosedur yang ada dalam Akta Mahkamah Juvana yang ringkas dan kabur. Menurut seksyen 90 jika seseorang kanak-kanak di bawa ke hadapan Mahkamah Bagi Kanak-kanak kerana apa-apa kesalahan maka hendaklah menjadi kewajipan Mahkamah itu untuk menerangkan kepadanya dalam bahasa yang mudah sesuai dengan umur, kematangan dan pemahamannya tentang isi kesalahan yang dikatakan itu. Kewajipan ini boleh dilaksanakan oleh peguam bela yang bertindak bagi kanak-kanak itu atau mana-mana orang lain yang bertanggungjawab sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah. Mana-mana orang lain adalah termasuk guru yang

rapat dengan kanak-kanak itu ataupun saudara mara terdekat boleh menerangkan kepadanya kesalahan yang dilakukan dalam bahasa yang mudah bersesuaian dengan usia, kemampuan dan pemahamannya.

Seksyen 90 (3) dan (4) memerlukan isi kesalahan yang dikatakan itu diterangkan kepada kanak-kanak itu, di mana Mahkamah hendaklah bertanya kepada kanak-kanak itu sama ada dia mengakui fakta-fakta yang mewujudkan kesalahan itu. Jika kanak-kanak itu mengakui fakta-fakta yang mewujudkan kesalahan itu, Mahkamah hendaklah:

- (a) menentukan bahawa kanak-kanak itu memahami sifat dan akibat akuannya;<sup>16</sup> dan
- (b) merekodkan suatu dapatan bersalah.

Bagi kanak-kanak yang tidak diwakili oleh peguam, Mahkamah membenarkan ibu bapa atau penjaga kanak-kanak atau mana-mana saudara atau orang lain yang bertanggungjawab untuk membantu kanak-kanak itu membuat pembelaannya.<sup>17</sup>

## Sabitan dan Hukuman

Akta Kanak-kanak 2001 melarang perkataan sabitan dan hukuman digunakan berhubung dengan seseorang kanak-kanak yang dihadapkan di Mahkamah Bagi Kanak-kanak. Sesuatu dapatan bersalah tentang seseorang kanak-kanak tidak boleh diendahkan bagi maksud mana-mana undang-undang bertulis. Seksyen 91(2) membawa maksud bahawa dapatan salah terhadap kanak-kanak oleh Mahkamah Bagi Kanak-kanak tidak boleh menjadi sebahagian daripada rekod jenayah seperti pesalah dewasa.

Kuasa Mahkamah pada akhir perbicaraan dinyatakan di dalam seksyen 91 Akta Kanak-Kanak iaitu jika mahkamah berpuashati bahawa suatu kesalahan telah dibuktikan, maka ia mempunyai kuasa untuk:

- (a) memberikan amaran kepada dan melepaskan kanak-kanak itu;
- (b) melepaskan kanak-kanak itu apabila dia menyempurnakan suatu bon untuk berkelakuan baik dan untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (c) memerintahkan supaya kanak-kanak itu diletakkan dalam pemeliharaan seseorang saudara atau orang lain yang layak dan sesuai:
  - (i) selama apa-apa tempoh yang hendaklah di tetapkan oleh Mahkamah; dan
  - (ii) dengan apa-apa syarat yang dikenakan oleh Mahkamah;
- (d) memerintahkan supaya kanak-kanak itu membayar denda, pampasan atau kos;
- (e) membuat suatu perintah percubaan di bawah seksyen 98;
- (f) memerintahkan supaya kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney;
- (g) memerintahkan supaya kanak-kanak itu, jika seorang lelaki, disebat tidak lebih daripada sepuluh kali sebatan dengan rotan yang ringan;

- (i) di premis Mahkamah itu; dan
- (ii) di hadapan ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu jika dia hendak hadir;
- (h) mengenakan ke atas kanak-kanak itu, jika dia berumur empat belas tahun ke atas dan kesalahan itu boleh dihukum dengan hukuman pemerlukan dan tertakluk kepada seksyen 96(2), apa-apa tempoh pemerlukan yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Seksyen.

### **(i) Hukuman Sebatan**

Akta Kanak-kanak memasukkan hukuman baru berbentuk sebatan untuk kanak-kanak lelaki. Sebatan tersebut tidak melebihi sepuluh kali dengan rotan yang ringan.<sup>18</sup> Kaedah pelaksanaan perintah sebat hendaklah mematuhi seksyen 92, iaitu:

- (a) sebelum sebatan dilaksanakan, kanak-kanak itu hendaklah diperiksa oleh seorang pegawai perubatan untuk diperakui bahawa kanak-kanak itu dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani sebatan itu;
- (b) menggunakan rotan yang ringan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit kanak-kanak itu;
- (c) selepas mengenakan satu sebatan, dia hendaklah mengangkat rotan itu ke atas dan tidak menariknya;
- (d) sebatan boleh dikenakan pada mana-mana bahagian tubuh kecuali muka, kepala perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;
- (e) kanak-kanak itu hendaklah memakai pakaian; dan
- (f) jika semasa pelaksanaan sebatan itu pegawai perubatan memperakui bahawa kanak-kanak itu tidak lagi dapat menerima baki sebatan itu, sebatan itu hendaklah diberhentikan dengan muktamad.

Bagaimanapun Akta Kanak-Kanak gagal menyebut siapakah yang akan melaksanakan hukuman sebatan dan apakah bentuk rotan yang ringan itu. Kes Re a Juvenile [1990] 3 MLJ 117 menyebut bahawa Majistret tidak mempunyai bidang kuasa untuk menguatkuasakan hukuman sebat.

### **(ii) Hukuman penjara**

Kanak-kanak di bawah umur empat belas tahun tidak boleh diperintahkan supaya dipenjarakan bagi apa-apa kesalahan atau dikomitkan ke penjara kerana ingkar membayar denda, ganti rugi atau kos.<sup>19</sup> Bagi kanak-kanak yang berumur empat belas tahun ke atas juga tidak boleh diperintahkan supaya dipenjarakan jika boleh diperlakukan dengan apa-apa cara lain yang sesuai sama ada dengan percubaan, atau denda atau dihantar kes sesuatu tempat tahanan atau sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney atau selainnya. Jika kanak-kanak yang berusia empat belas tahun ke atas

diperintahkan supaya dipenjarakan mereka tidak dibenarkan bergaul dengan banduan-banduan dewasa.<sup>20</sup>

### **(iii) Hukuman mati**

Menurut seksyen 97<sup>21</sup> hukuman mati tidak boleh diumumkan atau direkodkan terhadap yang disabitkan atas sesuatu kesalahan jika pada hemat Mahkamah seseorang itu adalah kanak-kanak pada masa kesalahan itu dilakukan. Sebagai ganti hukuman mati, seksyen 97(2) menyatakan bahawa Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya seseorang yang disabitkan atas sesuatu kesalahan ditahan dipenjara selama yang diperkenankan oleh:

- (a) Yang diPertuan Agong jika kesalahan itu dilakukan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Wilayah Persekutuan Labuan; atau
- (b) Raja atau Yang di Pertua Negeri, jika kesalahan itu dilakukan di Negeri itu.

Jika pesalah kanak-kanak diperintahkan supaya ditahan dipenjara, maka Lembaga Hakim Pelawat bagi penjara itu hendaklah mengkaji semula kes orang itu sekurangnya sekali setahun; dan boleh mengesyorkan kepada Yang di Pertuan Agong atau Raja atau Yang di Pertua Negeri supaya kanak-kanak itu dilepaskan awal atau ditahan lanjut. Peruntukan ini adalah bertujuan untuk memperbaiki kelemahan peruntukan Akta Mahkanah Juvana yang tidak menjelaskan tempoh penahanan kanak-kanak. Tahanan pesalah kanak-kanak tanpa semakan dan bagi tempoh lama tidak akan terjadi di bawah peruntukan Akta Kanak-kanak 2001. Selain daripada itu seksyen 97(3) menjaminkan tahanan sedemikian adalah disifatkan berada dalam jagaan yang sah.<sup>22</sup> Malahan, seksyen 97(4) mengesahkan bahawa Yang di-Pertuan Agonglah yang menentukan bentuk hukuman yang akan dijalani, kecuali bahawa ia adalah satu kuasa yang dilaksanakan atas nasihat Lembaga Hakim-Hakim Pelawat.

Dalam kes KWK (seorang kanak-kanak) v Pendakwa Raya [2003] 4 CLJ 51, perayu merupakan seorang kanak-kanak telah didapati bersalah kerana membunuh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan telah diperintahkan untuk ditahan di bawah kuasa Raja. Sementara menunggu rayuan terhadap perintah tersebut, perayu telah memohon penggantungan perlaksanaan. Mahkamah Tinggi menolak permohonan tersebut dan perayu memfailkan usul di Mahkamah Rayuan untuk penggantungan. Alasan-alasan yang diutarakan untuk menyokong usul perayu adalah, *inter alia*: (i) bahawa ianya akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua tahun untuk rayuan tersebut diselesaikan, dan bahawa kelewatan ini akan menjadi satu ketidaksesuaian bagi Lembaga Pelawat untuk membuat cadangan-cadangannya dibawah seksyen 97(4) Akta Kanak-kanak; (ii) bahawa rayuan ini melibatkan satu perkara undang-undang yang baru berhubung dengan sains keterangan perubatan,<sup>23</sup> yang mana perkara ini mungkin diputuskan memihak kepada perayu; dan (iii) bahawa pelajaran ataupun persekolahan perayu akan terhalang secara serius jika penggantungan tidak dibenarkan.

mahkamah berpuashati adalah tidak munasabah untuk menghendaki kehadiran itu.<sup>27</sup> Kepentingan seksyen ini ditekankan dengan menyatakan adalah menjadi kesalahan untuk ibu bapa atau penjaga seseorang kanak-kanak yang tidak hadir di Mahkamah di mana mereka boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.<sup>28</sup>

Namun begitu dalam keadaan-keadaan di mana ibu bapa atau penjaga tidak dapat membantu dalam pertimbangan demi kepentingan kanak-kanak itu maka Mahkamah boleh menyuruh mereka keluar dari mahkamah. Peruntukan seksyen 89 berbunyi:

*Jika dalam mana-mana kes difikirkan perlu oleh Mahkamah Bagi Kanak-kanak demi kepentingan kanak-kanak itu, Mahkamah itu boleh menyuruh ibu dan bapa atau penjaganya, mengikut mana yang berkenaan, keluar dari Mahkamah itu.*

#### (ii) Bon oleh Ibu Bapa

Sementara itu seksyen 93 menitikberatkan tanggungjawab ibu atau bapa atau penjaga untuk menyempurnakan bon bagi kelakuan baik kanak-kanak. Seksyen ini menjelaskan bahawa mahkamah boleh memerintahkan supaya ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak itu menyempurnakan suatu bon bagi kelakuan baik kanak-kanak itu dengan atau tanpa jaminan dan dengan satu atau lebih daripada satu syarat yang berikut:<sup>29</sup>

- (a) bahawa ibu atau bapa atau penjaga dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah melaporkan diri di Jabatan Kebajikan atau Balai Polis yang terletak berdekatan dengan tempat kediaman ibu atau bapa atau penjaga kanak-kanak pada lat tempoh tetap yang hendaklah ditentukan oleh mahkamah itu;
- (b) bahawa ibu atau bapa atau penjaga dengan ditemani oleh kanak-kanak itu hendaklah menghadiri bengkel interaktif yang dianjurkan di pusat-pusat yang ditetapkan yang ditubuhkan bagi maksud sedemikian;
- (c) jika kanak-kanak itu berada di sesuatu institusi pendidikan, bahawa ibu atau bapa atau penjaga hendaklah berunding dengan guru dan guru besar atau pengetua kanak-kanak itu sebulan sekali sepanjang tempoh bon itu;
- (d) jika kanak-kanak itu dihantar ke suatu sekolah diluluskan atau Sekolah Henry Gurney, bahaw ibu bapa atau bapa atau penjaga hendaklah melawat kanak-kanak itu secara tetap sebagaimana yang ditentukan oleh Mahkamah itu; atau
- (e) apa-apa syarat lain yang difikirkan patut oleh Mahkamah itu.<sup>30</sup>

Jika ibu bapa atau penjaga tidak mematuhi mana-mana syarat yang disebutkan di atas, maka dikira satu kesalahan dilakukan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit dan Mahkamah memerintahkan supaya jaminan, jika ada dilucuthak.

### **(iii) Bayaran Denda, Pampasan atau Kos oleh Ibu bapa**

Manakala seksyen 94(1) menyebut jika seseorang kanak-kanak melakukan apa-apa kesalahan yang boleh didenda atau pampasan atau kos atau pampasan atau keduanya boleh diawardkan dan Mahkamah berpendapat bahawa kes itu boleh diselesaikan sebaik-baiknya dengan memerintahkan semua atau mana-mana penalti ini,<sup>31</sup> maka Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya denda yang dikenakan dan pampasan atau kos yang diawardkan itu dibayar oleh ibu bapa atau penjaga kanak-kanak itu dan tidak oleh kanak-kanak itu.

### **(iv) Jaminan oleh Ibu Bapa**

Seksyen 94(2) mengenakan penglibatan ibu bapa jika Mahkamah berpendapat bahawa suatu pertuduhan terhadap seseorang kanak-kanak telah dibuktikan; atau seseorang kanak-kanak mengaku fakta yang mewujudkan kesalahan dalam pertuduhan itu. Dalam keadaan ini Mahkamah boleh memerintahkan ibu atau bapa atau penjaga membayar pampasan atau kos atau memberikan jaminan bagi kelakuan baik kanak-kanak itu, tanpa merekodkan suatu dapatan bersalah terhadap kanak-kanak itu.

## **Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai tanggungjawab terhadap kanak-kanak sejak penggubalan Akta Mahkamah Juvana 1947 lagi. Peranan JKM bukan sekadar pada pemulihan pesalah kanak-kanak tetapi juga dalam proses pencegahan terhadap jenayah kanak-kanak. Semua pihak sudah maklum bahawa dalam banyak perkara proses pencegahan adalah lebih baik daripada pemulihan. Begitu juga dalam aspek jenayah oleh kanak-kanak.

### **(i) Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah**

JKM bekerjasama dengan ejensi lain dan juga komuniti setempat melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-kanak Daerah (JKKD). JKKD juga diperkenalkan melalui Akta Kanak-kanak 2001 di mana falsafah JKKD ialah memberi peluang kepada ahli masyarakat menuaikan tanggungjawab sosial dan memahami kewajipan bersama serta menjaga kebajikan kanak-kanak, salah laku, pengabaian atau penganiayaan kanak-kanak yang berlaku di dalam masyarakat. JKKD juga mempunyai tanggungjawab bagi menggalakkan penyertaan masyarakat dalam usaha mencegah jenayah, kerosakan akhlak dan kebajikan kanak-kanak. JKKD juga boleh menasihati Menteri jika perlu perubahan-perubahan berhubung dengan kebajikan kanak-kanak.

JKKD juga memainkan peranannya dalam membantu Pegawai Akhlak di peringkat daerah di mana JKKD menyelia kanak-kanak dalam "pengawasan" dan

“perintah percubaan” dan “jagaan susulan” bagi lepasan Sekolah Yang Diluluskan<sup>32</sup> supaya mereka tidak mengulangi kesalahan dan kembali ke pangkuhan masyarakat.

## (ii) Institusi Pemulihan

Berhubung dengan pemulihan kanak-kanak dan selaras dengan keperluan Akta Kanak-kanak 2001, Jabatan Kebajikan Malaysia telah menubuhkan beberapa institusi pemulihan akhlak, untuk kanak-kanak di bawah umur 18 tahun. Institusi-institusi Pemulihan Akhlak adalah Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan Asmara Akhlak. Institusi pemulihan seperti Sekolah Tunas Bakti, Taman Seri Puteri dan asrama akhlak yang berada dalam kelolaan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang melaksanakan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah, sudah dan sedang menjalankan program pemulihan yang sewajarnya.

### *Sekolah Tunas Bakti*

Di Sekolah Tunas Bakti, tempoh penahanan pesalah kanak-kanak adalah selama tiga tahun dan boleh dibebaskan sebelum tamat tempoh pemulihannya secara berlesen oleh Lembaga Pelawat mengikut keadaan kemajuannya tetapi tidak awal daripada dua belas bulan dari tarikh kemasukan.

### *Taman Seri Puteri*

Kanak-kanak perempuan dan wanita pula dikhususkan ke institusi khas iaitu Taman Seri Puteri bagi memberi pemulihan dan perlindungan kepada:

- (a) Mangsa pelacuran;
- (b) Kanak-kanak perempuan dan wanita yang terdedah kepada bahaya moral atau berkecenderungan untuk menjadi pelacur dan
- (c) Kanak-kanak perempuan dan wanita yang memerlukan perlindungan segera.

Mahkamah boleh memerintahkan kanak-kanak perempuan ke tempat perlindungan ini di bawah Akta Kanak-kanak 2001 melalui peruntukan seksyen 38(a)-(c), seksyen 41 dan 42. Seksyen 38(1) memperuntukkan bahawa seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan dan pemulihan jika kanak-kanak itu:

- (a) sedang didorong untuk melakukan hubungan seksual, atau berada dalam apa suasana fizikal atau sosial yang boleh membawa kepada perlakuan perbuatan itu;
- (b) tinggal atau kerap kali mengunjung mana-mana rumah pelacuran atau tempat berkira; atau

- (c) pada lazimnya ada bersama-sama dengan atau berada di bawah kawalan penyelenggara-penyelenggra rumah pelacuran atau muncikari-muncikari atau orang-orang yang bekerja atau yang mempunyai kepentingan secara langsung dalam urusan yang dijadikan di rumah-rumah pelacuran atau berkaitan dengan pelacuran.

Selain daripada itu seksyen 41 menegaskan seseorang kanak-kanak dikatakan memerlukan perlindungan segera jika ada sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa:

- (a) kanak-kanak itu sedang diancam atau ditakutkan-takutkan bagi maksud pelacuran atau bagi maksud melakukan persetubuhan dengan seseorang lain atau bagi apa-apa maksud lucah;
- (b) kanak-kanak itu akan dikurung atau ditahan oleh seseorang lain dengan maksud seperti pelacuran atau
- (c) jika kanak-kanak itu seorang perempuan dan dia sedang hamil anak luar nikah.

### *Asrama Akhlak*

Asrama ini ditubuhkan dengan objektif memberi perlindungan dan bimbingan kepada kanak-kanak dalam tahanan sementara dalam pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti dan kanak-kanak dalam Perintah Cubaan Akhlak. Kemasukan kanak-kanak ke Asrama Akhlak adalah melalui perintah mahkamah mengikut Akta Kanak-kanak 2001. Biasanya bagi kanak-kanak dalam pemindahan ke Sekolah Tunas Bakti, tempoh tahanan mereka di Asrama Akhlak adalah tidak melebihi dua minggu manakala bagi kanak-kanak yang ditahan sementara, tempohnya adalah sehingga mahkamah mengeluarkan perintah dan bagi kes cubaan akhlak tempohnya tidak melebihi dua belas bulan.

### **Penutup**

Jenayah kanak-kanak merupakan satu isu global dan sentiasa memerlukan perhatian daripada segenap lapisan, baik pihak kerajaan, pihak berkuasa, guru,<sup>33</sup> ibu bapa dan masyarakat. Kanak-kanak juga seperti orang dewasa, mereka tidak terlepas daripada melakukan kesalahan jenayah. Justeru itu walaupun mereka telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di sisi undang-undang, mereka hendaklah diberi peluang untuk memulakan hidup baru, memperbaiki kesilapan diri dan melibatkan diri dalam masyarakat. Pendekata kesanggupan ibu bapa menerima semula anak-anak setelah dibebaskan dari pusat-pusat pemulihan akhlak merupakan titik tolak kepada mereka untuk kembali memulakan kehidupan baru.

Dengan pengwujudan Akta Kanak-kanak 2001 amatlah diharap bahawa kepentingan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah terpelihara dan mendapat

keadilan sosial. Akta ini mengandungi peruntukan-peruntukan baru yang drastik demi menjaga kebaikan dan kepentingan kanak-kanak. Di harap isi kandungan Akta Kanak-kanak diketahui oleh pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan kuasa-kuasa mereka dan begitu juga dengan larangan-larangan yang diletakkan pada pihak tertentu dipatuhi demi mencapai falsafah di sebalik pengubalan Akta Kanak-kanak 2001.

## Nota Belakang

<sup>1</sup> Dua peratus pelajar disiplin teruk, Harian Metro, 8 Mac 2006, enam kematian pelajar sekolah dilaporkan sepanjang tahun lalu, manakala tiga kematian dari Januari hingga Julai lalu akibat tindakan kumpulan pelajar lain.

<sup>2</sup> Gaduh rebut basikal baru adik mati dipukul abang, Utusan Malaysia 27 Februari 2006. Kisah di mana seorang abang yang berusia empat tahun telah membunuh adiknya yang berusia dua tahun semata-mata berebut sebuah basikal.

<sup>3</sup> Nordin Yusmadi bin Yusoff lwn PP [1997] 3 MLJ 754.

<sup>4</sup> Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak telah diterima dengan rasminya oleh Perhimpunan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-44 pada 20 November 1989 secara konsensus. Pada 26 Januari 1990, Konvensi itu telah dibuka untuk ditandatangani ketika menyambut ulang tahun ke-30 Deklarasi Hak-hak Anak (1959-1989) dan ulang tahun ke-10 Tahun Antarabangsa Kanak-kanak (1979-1989). Kerajaan Malaysia telah menandatangani konvensyen mengenai Hak Kanak-kanak pada 28 Disember 1994 dan telah gunapakai pada 7 Februari 1995 akan tetapi Kerajaan Malaysia telah membuat reservasi terhadap fasal 1,2,7,13,14,15,22,28,37,40 kerana bertentangan dengan dasar, undang-undang dan amalan nasional. Tetapi reservasi-reservasi tersebut akan ditarik balik pada keadaan dan masa yang sesuai oleh kerajaan Malaysia. Pada 25.2.99 Kerajaan telah menarik balik beberapa reservasi dan masih lagi mengadakan reservasi bagi fasal 1,2,7,13,14,15,28 para 1(a) dan fasal 37. Secara umumnya, Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak mendorong Kerajaan supaya lebih bertanggungjawab untuk kesejahteraan kanak-kanak sebagai mengiktiraf hak mereka. Konvensi itu juga menghuraikan segala keperluan kanak-kanak berasingan dari keperluan orang dewasa.

<sup>5</sup> C v DPP [1994] All ER 190.

<sup>6</sup> *Sexual Offences Act 1993* (UK) telah memansuhkan peruntukan berhubung dengan ketidakupayaan budak lelaki di bawah umur 14 tahun untuk melakukan jenayah seksual.

<sup>7</sup> Mahkamah Bagi Kanak-kanak hendaklah terdiri daripada Majistret yang dibantu oleh dua orang penasihat di mana salah seorang hendaklah seorang wanita.

<sup>8</sup> Seksyen 11(5) Akta Kanak-Kanak 2001.

<sup>9</sup> Seksyen 12 Akta Kanak-Kanak 2001.

<sup>10</sup> Bahagian V adalah berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan.

<sup>11</sup> Bahagian VI adalah berhubung dengan kanak-kanak yang memerlukan perlindungan dan pemulihan.

<sup>12</sup> Mahkamah Bagi Kanak-kanak dalam apa-apa kes boleh jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah demi kepentingan keadilan untuk berbuat demikian; dan hendaklah dalam hal sesuatu permohonan oleh atau dengan kebenaran pelindungan mengetepikan kehendak seksyen 15 setakat yang difikirkan suai manfaat oleh Mahkamah.

<sup>13</sup> Seksyen 15(4) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>14</sup> Kes ini juga menegaskan bahawa jika Parlimen berniat secara mutlak untuk menegah seseorang kanak-kanak dari ditahan untuk tujuan penyiasatan untuk tempoh yang melebihi 24 jam, ia tentunya akan menyatakan demikian dengan jelas.

<sup>15</sup> *The remand of a child under section 84(2) of the Child Act is only for the purpose and during the pendency, of bringing the child before a Court of Children and not for the purpose of investigations.*

<sup>16</sup> Sub seksyen ini adalah tindak balas daripada keputusan kes Sia Yik Hung [1998] 1 MLJ 450 yang mana pesalah kanak-kanak tidak perlu dipastikan sama ada dia faham atau tidak akan kesan pengakuan bersalah.

<sup>17</sup> Seksyen 90(7) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>18</sup> Seksyen 91(g) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>19</sup> Seksyen 96(1) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>20</sup> Seksyen 96(2) dan (3) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>21</sup> Lihat kes Kok Wah Kuan v Pengarah Penjara Kajang [2004] 8 CLJ 324

<sup>22</sup> Dalam kes Kok Wah Kuan v PP [2007] 4 CLJ 454, seorang kanak-kanak, telah disabitkan oleh Mahkamah Tinggi dengan kesalahan membunuh anak perempuan guru tuisyennya dan diperintah ditahan di penjara menurut ihsan Yang di Pertuan Agong di bawah seksyen 97(2).

<sup>23</sup> *scientific medical-evidence.*

<sup>24</sup> Antara kes-kes yang dirujuk ialah Babu Singh & Ors v. State of Uttar Pradesh AIR [1978] SC 527, Director of Public Prosecutions of Jamaica v. Mollison [2003] 2 WLR 1160, Ganesan v. PP [1983] 1 CLJ 300; [1983] CLJ 567 (Rep); [1983] 2 MLJ 369, Kashmira Singh v. State of Punjab AIR [1977] SC 2147, R v. Gruffydd [1972] 56 Cr App R 585, R v. Watton [1978] 68 Cr App R 293, Ralph v. PP [1972] 1 LNS 118; [1972] 1 MLJ 242, dan Re Jackson [1997] 2 VR 1.

<sup>25</sup> Perkara undang-undang (berhubung dengan sains keterangan perubatan) yang telah dibangkitkan oleh perayu bukanlah sesuatu yang melibatkan kecacatan yang nyata pada rekod.

<sup>26</sup> Di United Kingdom terdapat *Crime and Disorder Act 1998* yang mewujudkan tanggungjawab ibu bapa terhadap kanak-kanak yang melakukan kesalahan.

<sup>27</sup> Keadaan ini adalah berbeza di AMJ di mana ibu bapa atau penjaga hanya dibenarkan untuk hadiri bagi keadaan tertentu sahaja.

<sup>28</sup> Seksyen 88(2) Akta Kanak-kanak 2001.

<sup>29</sup> Perintah tersebut tidak boleh dibuat terhadap seseorang ibu atau bapa atau penjaga tanpa memberi ibu atau bapa atau penjaga itu peluang untuk didengar.

<sup>30</sup> Syarat ini adalah menurut budibicara Mahkamah untuk mengeluarkan apa-apa perintah yang sesuai mengikut keadaan kes yang dibicarakan.

<sup>31</sup> sama ada dengan atau tanpa apa-apa hukuman lain.

<sup>32</sup> Sekolah Tunas Bakti dan Sekolah Henry Gurney.

<sup>33</sup> Dua peratus pelajar disiplin teruk, Harian Metro, 8 Mac 2006, Naib Pengerusi Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata lebih membimbangkan, semakin ramai pelajar sekolah terbabit dalam jenayah kekerasan, terutama buli dan membunuh.

## Bibliografi

Akta Kanak-kanak 2001 (2003). ILBS: Selangor.

Mumtaj Hassan (2006). Akta Kanak-kanak 2001: Jenayah oleh Kanak-kanak: Perlindungan menurut persektif Akta Kanak-kanak 2001. Pemikir. Bil 45 Julai-September 2006, ms 69-90.

Mumtaj Hassan & Sarirah Che Rose (2004). Akta Kanak-kanak 2001: Perlindungan Kepada Pesalah Kanak-kanak. Simposium Kebangsaan Kebajikan Kanak-kanak 2004. The Gurney Resort Hotel & Residences, Pulau Pinang, 21-22 Julai 2004.

Y. Bhg Prof Madya Dr. Hj. Abdul Halim Sidek (2004). Kedudukan Pesalah Kanak-kanak Dalam Undang-undang di Malaysia. Seminar Kebangsaan Pencegahan Juvana menurut Perspektif Islam, IKIM, 10-11 Februari 2004.

Y. Bhg. Dato' Hajah Shamsiah Abdul Rahman (2004). Jenayah Juvenil: Peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Seminar Kebangsaan Pencegahan Juvana menurut Perspektif Islam, IKIM, 10-11 Februari 2004.

Prof. Dato' Dr. Mimi Kamariah Majid (2001) Akta Kanak-kanak 2001: Satu Pendekatan undang-undang Untuk Mengatasi Masalah Kanak-kanak dan Remaja di Malaysia. Seminar Undang-undang & Kerja Sosial, UUM, 18 Ogos 2001.